KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

STATUS SIRAP UBAT DI MALAYSIA BERHUBUNG ARTIKEL DI DALAM WWW.FREEMALAYSIATODAY.COM: *INDONESIA BANS MEDICINAL SYRUPS AFTER 99 CHILD DEATHS*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum artikel di dalam laman sesawang **www.freemalaysiatoday.com** bertajuk ***Indonesia bans medicinal syrups after 99 child deaths*** yang diterbitkan pada 20 Oktober 2022. Semakan lanjut ke atas laman sesawang Badan Pengawas Obat dan Makanan-Republik Indonesia, www.pom.go.id mendapati artikel tersebut merujuk kepada lima (5) produk sirap iaitu **Termorex Sirup, Flurin DMP Sirup, Unibebi Cough Sirup, Unibebi Demam Sirup dan Unibebi Demam Drops** yang dikesan mengandungi ethylene gycol melebihi had yang dibenarkan.

Semakan ke atas pangkalan data produk berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), KKM mendapati bahawa kelima-lima produk tersebut **tidak berdaftar** di Malaysia.

NPRA akan menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan terjamin. Pihak KKM akan memaklumkan perkembangan kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

NORHALIZA BINTI A HALIM
PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
24 OKTOBER 2022